



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 25 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SASAR 30 PERATUS PETANI MUDA, NASIONAL, SH -11 TERUSKAN KESINAMBUNGAN PELADANG VETEREN, NASIONAL, SH -11	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
3. 4.	26,388 ANAK POKOK HIASAN DIRAMPAS, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -37 6KG GINSENG DIRAMPAS, SINAR NEGERI P.PINANG, SH -33	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
5.	FIRST DURIAN PROCESSING PLANT IN S'WAK TO START JAN 20, VIEWS, THE STAR -15	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sasar 30 peratus petani muda

LPP cadang anjur pameran himpunan teknologi, inovasi sektor pertanian

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SEKINCHAN

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sedang berusaha memastikan 30 peratus daripada ahlinya terdiri daripada golongan muda dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Alliman berkata, ketika ini hanya 15 peratus golongan muda menjadi ahli LPP dan jumlah itu adalah sebahagian kecil daripada seramai 920,000 jumlah keseluruhan ahli pertubuhan berkenaan.

Menurutnya, golongan muda disarankan supaya bergiat aktif dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pendapatan mereka dan negara.

"Antara penekanan dalam kempen dalam talian adalah menyasarkan sejuta ahli LPP dengan keutamaan penyertaan golongan muda.

"Justeru, kami perlu memikirkan apakah yang boleh menjadi tarikan kepada golongan muda untuk menyertai sektor perladangan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Karnival Pesawah Padi@Pasir Panjang di Dewan Dato' Mohd Fauzi di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan Pasir Panjang, Mardi Sukir dan Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim.

Sementara itu, Mazlan berkata, kerajaan kini giat membangunkan teknologi dan inovasi baharu dalam sektor pertanian bagi menarik minat golongan muda.



FOTO: ZAMRO IZZAH

Mazlan (dua dari kanan) dan Azulita (kanan) melihat hasil pertanian menjelang pembukaan Karnival Pesawah Padi@Pasir Panjang di Dewan Dato' Mohd Fauzi, Sekinchan, Selangor semalam.

Menurutnya, satu mekanisme baharu dalam industri pertanian perlu diwujudkan bagi menarik minat golongan itu untuk menjadikan bidang pertanian sebagai kerjaya yang menjanjikan pulangan pendapatan yang tinggi.

"Kita akan dapatkan input berhubung perkara ini daripada pemain industri, bukan sahaja pada peringkat tempatan tetapi luar negara.

"Industri ini telah berkembang di seluruh dunia seperti di Jepun, Itali, Korea Selatan dan Taiwan," katanya.

Sehubungan itu, beliau bercadang menghimpunkan teknologi dan inovasi sektor pertanian supaya ia diketengahkan seperti penganjuran Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi (LIMA).

"Kalau kita hendak pergi ke negara luar, mungkin ada pertimbangan dari segi kos dan sebagainya.

"Namun, jika kita himpunkan semua pemain industri seperti konsep LIMA, mereka boleh mempamerkan jentera dan pelbagai inovasi yang tentunya mampu menarik minat dan perhatian golongan muda," katanya.



Mazlan melihat hasil pertanian yang dipamerkan di semalam pada Karnival Pesawah Padi@Pasir Panjang.



Mazlan (berdiri, ewang dari kanan), Azulita (berdiri, enam dari kiri) dan Mardi (berdiri, lima dari kanan) bersama penerima bantuan kelengkapan sekolah dan pengurus sorta wakli PPK yang menerima cek bernilai RM1,000.



Mazlan (dua dari kiri) cuba mengendalikan mesin penanaman padi sempena Karnival Pesawah Padi@Pasir Panjang di Sekinchan, Selangor semalam.

Teruskan kesinambungan peladang veteran

MAZLAN berkata, negara amat memerlukan tenaga muda untuk meneruskan kesinambungan yang ditinggalkan golongan veteran yang selama ini menjadi tunjang kepada sektor pertanian negara.

"Kita bimbang jika golongan tua tidak lagi bergiat aktif dalam sektor ini, ditambah pula dengan kekurangan golongan muda, ia memberi kesan kepada bekalan keselamatan makanan negara pada masa hadapan," katanya.

Menurutnya, menerusi penggunaan teknologi moden, tempoh tanaman padi mampu disingkatkan kepada 75 hari seperti di beberapa negara lain yang mengaplikasikannya.

"Kita masih berlegar 100 hari tempoh tanaman, malah di luar jelang pula mengambal masa sehingga tempoh semusim dan ini yang akan kita teliti untuk penambahbaikan," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai Karnival Pesawah Padi@Pasir Panjang, Mazlan berkata,

program julung kali diadakan itu menarik penyertaan kira-kira 500 peserta.

Menurutnya, karnival tersebut adalah pengiktirafan dan penghormatan kerajaan terhadap peranan serta jasa pesawah dalam menghasilkan pengeluaran padi beras untuk keperluan negara.

"Ia juga membantu kerajaan memperkenalkan input pertanian melibatkan baja, racun dan makhluk perosak serta inovasi baharu bagi meningkatkan kecekapan pengeluaran padi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	37

26,388 anak pokok hiasan dirampas

RANTAU PANJANG - Sebanyak 26,388 anak pokok hiasan bernilai RM130,000 yang cuba diseludup masuk ke negara ini dirampas oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan kelmarin.

Rampasan jam 7 petang itu dilakukan di pangkalan haram Limau Purut dekat sini hasil risikan dan intipan sebelum ini.

Kesemua barangan rampasan itu kemudian diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan untuk tindakan lanjut.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 25,240 anak pokok jarum merah jambu cuba diseludup masuk secara haram ke negara ini.

"Selain itu sebanyak 1,148 anak pokok fern turut dirampas dalam serbuan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mohd Azam berkata, siasatan awal mendapati



Penguat kuasa Maqis menunjukkan anak pokok hiasan yang cuba diseludup masuk ke negara ini yang dirampas oleh PGA Batalion 7 Kuantan kelmarin.

semua anak pokok hiasan tersebut dipercayai dibawa masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan.

Katanya, menjadi kesalahan mengimport anak pokok hiasan itu tanpa mempunyai permit import yang sah dari Maqis.

"Mereka yang terlibat boleh didakwa di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen

11(3) akta yang sama.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Mohd Azam berkata, Maqis akan terus menjalin kerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan sempadan yang lain dalam usaha membanteras aktiviti penyeludupan di sempadan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/12/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI PAHANG	33

6kg ginseng dirampas

Dibawa masuk ke Pulau Pinang menggunakan pos

MOHD ISKANDAR OTHMAN

BUKIT MERTAJAM

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas ginseng seberat enam kilogram (kg) yang dibawa masuk melalui pos dari Hong Kong hasil kerjasama dengan pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia minggu lalu.

Dalam kejadian 10 pagi itu, Maqis Pulau Pinang menerima satu serahan keluar daripada kastam di Pejabat Pos Juru.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, hasil

pemeriksaan mendapati ia dialamatkan kepada seorang lelaki berusia 40-an dan dibawa masuk tanpa permit import (IP) daripada pihaknya.

Menurutnya, Maqis telah mengeluarkan kompaun RM1,000 ke atas lelaki tersebut kerana mengimport sesuatu tanpa dokumen sah.

"Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit yang sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, pihaknya op-



Lelaki berusia 40-an ditahan bersama 6kg ginseng yang dihantar melalui pos dari Hong Kong pada minggu lalu.

timis dan akan sentiasa mempertingkatkan kawalan serta menumpukan perhatian terhadap

mana-mana konsainan yang tidak mengikut syarat dan peraturan yang ditetapkan.

First durian processing plant in S'wak to start Jan 20

KUCHING: Sarawak's first durian collecting, processing and packaging centre (CPPC) in Tarat, about 45km from here, will begin operations on Jan 20, Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas said.

He said renovation and refurbishment works to turn the premises, which was once used for pepper processing, into a durian CPPC were completed at a cost of about RM5.6ml.

Its production is expected to boost Sarawak's durian products export.

"It is the first such centre under the Agriculture Department in the state, and local fruit exporting firm Top Fruit Sarawak Sdn Bhd will be operating the centre," he said in a statement, highlighting his visit to the CPPC.

Uggah, who is also State Agriculture Modernisation, Native Land and Regional Development Minister, said the centre would be used to produce durian pulp and paste which would then be exported directly to China.

He said facilities at the centre met the requirements for the Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP), Good Manufacturing Practices (GMP) and the Health Ministry's Responsibility of the Industry on Food Safety (MeSTI) certifications.

Farmers in the surrounding areas in Tarat were also welcomed to sell their surplus harvests to the centre, he added.

A similar centre is being developed in Simpang Layar in Betong, he said.

For this year, Sarawak sold about 100 tonnes of durian paste to China and aims to increase this output by another 100 tonnes in the coming fruiting season. — Bernama